

ABSTRAK

Disertasi yang bertajuk *Falsafah Pendidikan Menurut Ibn Khaldūn dan John Dewey : Kajian Perbandingan* difokuskan kepada konsep, matlamat dan kaedah-kaedah pendidikan yang telah digunakan oleh mereka dalam usaha untuk memacu dan melangsungkan aktiviti pendidikan menurut perspektif dan pemikiran masing-masing. Ia menghalusi pemikiran pendidikan kedua tokoh ini dalam lapangan pendidikan dan melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan antara pemikiran pendidikan oleh Ibn Khaldūn yang mewakili dunia Islam dan John Dewey yang mewakili dunia Barat. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi untuk mengumpulkan data manakala metode induktif, metode deduktif dan komperatif digunakan untuk menganalisis data. Secara keseluruhannya, disertasi ini mengandungi lima bab utama yang didahului dengan bab pendahuluan. Bab kedua menjelaskan tentang biodata kedua tokoh serta beberapa aspek pemikiran mereka dalam pelbagai bidang. Bab ketiga pula menghuraikan pemikiran pendidikan Ibn Khaldūn yang menjurus kepada konsep, matlamat, kaedah pendidikan serta beberapa aspek yang berkaitan pendidikan. Manakala bab yang keempat pula membahaskan mengenai pemikiran pendidikan John Dewey dari aspek yang sama. Kajian ini diakhiri dengan bab kelima iaitu analisis dan perbandingan terhadap pemikiran pendidikan kedua-dua tokoh. Hasil kajian ini mendapati bahawa falsafah dan pemikiran pendidikan yang dibawa oleh Ibn Khaldūn adalah falsafah yang selaras dengan aliran pemikiran pendidikan Islam. Ia didasari dengan dalil-dalil yang didatangkan daripada Al-Qurān dan al-Hadīth Nabi s.a.w. Ibn Khaldūn melihat pendidikan bukan hanya sekadar proses memberi dan menerima ilmu bahkan ia mencakupi seluruh perkembangan manusia sama ada rohani dan jasmani bagi tujuan melahirkan individu yang beriman dan bertakwa kepada Allah seterusnya mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Manakala pemikiran pendidikan Dewey pula adalah berdasarkan kepada falsafah pragmatisme yang menjadikan pengalaman sebagai sumber ilmu dan pemikiran. Dewey berpendapat bahawa pendidikan merupakan proses kelangsungan hidup secara sosial; sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran zaman yang bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan berguna kepada masyarakat. Melalui pendemokrasian pendidikan yang diperkenalkan oleh Dewey, setiap manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit, keturunan dan agama mestilah dibekalkan dengan pengalaman yang secukupnya untuk melangsungkan kehidupan di dunia ini.

ABSTRACT

This dissertation entitled *Philosophy of Education According To Ibn Khaldūn and John Dewey : Comparison Study* is focused on education concept, aim and methodology used by them to driven and to carry out education activities. It interpretes the thoughts by these two personalities to determain the similarities and differences of education thought by Ibn Khaldūn who represent the Islamic world and Dewey from the Western. This study uses the documentation method to gather data while data analysis are done through inductive, deductive and comparative methods. The dessertation consists five main parts and introduction is the first part. The second part describes the biodata of the two personalities involved and thier thoughts in other fields. The third part explains the education thought by Ibn Khaldūn which narrowed down to concept, aim, education methodology and aspects related to education. The fourth part discusses John Dewey's education thought from the same aspects. This study is ended with analysis and comparison of both education thoughts by Ibn Khaldūn and Dewey. This study proved that the education philosophy and thoughts by Ibn Khaldūn are uniformed with the Islamic education thought. The philosophy are based on evidence from Al-Quran and from the Prophet's Sunnah. According to Ibn Khaldun, education is not merely a process to import or to absorb knowledge. It is also a process of instilling moral values and knowledge which involve spiritual and physical human development with aims to produce pious individuals who submit to Allah in order to gain success in the world and after life. Meanwhile, Dewey's education thought of education are based on the philosophy of pragmatism which emphasised experience as the source of knowledge and thoughts. Dewey thinks education is the process of social survival, changeable and develop with times in order to produce good citizen and useful to the society. Through the democracy of education introduced by Dewey, all human disregard of thier races, skin colours, origins and religions must be provided with adequate experience to survive in this world.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ

أَجْمَعِينَ، أَمَا بَعْدُ

Dalam ruangan yang amat terbatas ini, penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah selaku penyelia disertasi ini di atas segala tunjuk ajar, bantuan dan dorongan yang diberikan sepanjang penghasilan kajian ini. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada beliau kerana telah banyak menunjuk jalan dan menjadi pemudah cara dalam menghasilkan kaedah penulisan yang tersusun dan sistemetik.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kepada ketua jabatan dan para pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Penghargaan juga ditujukan khas buat Profesor Madya Dr. Che Zarrina Binti Sa`ari, Profesor Dr. Joni Tamkin bin Borhan, Profesor Madya Dr. Mohd. Fauzi Bin Hamat yang tidak pernah jemu dalam memberi perangsang dan semangat dalam menjayakan penulisan disertasi ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan UPSI dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh yang telah memberi peluang dan ruang kepada penulis untuk mendapatkan sumber maklumat dan pengetahuan.

Buat ayahanda Mohamed Noh bin Mohd Said, penulis ingin mengabadikan doa restu berpanjangan dan penghargaan yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan dan jerit perih

dalam membesarkan anakandamu ini. Begitu juga kepada bapa dan ibu mertua, Nayan bin Hassan dan Samsiah binti Masri yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.

Dedikasi ini juga khas ditujukan buat Allayarhamah ibunda Hafizah bt Osman dan Allahyarham adinda Khamzah bin Mohamed Noh. Meskipun kalian berdua telah pergi meninggalkan alam ini buat selamanya, namun semangat dan kekentalan jiwamu masih terus segar mengalir dalam tubuh ini. Semoga Allah s.w.t mencucuri rahmat dan kasih sayang kepada kalian berdua dan digolongkan dalam golongan hamba yang beriman dan beramal soleh.

Tidak dilupakan juga buat isteri yang tercinta, Rozita binti Nayan serta anak-anak yang dikasihi Anas, Asma' dan Ammar yang sentiasa menjadi pendorong dan pencetus semangat. Setiap kesabaran dan kesukaran yang kalian hadapi dalam melayan karenah ayahmu ini, diucapkan ribuan terima kasih.

Akhirnya dedikasi ini ditujukan buat sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan di SK Sungkai terutamanya kepada Pn Wan Anisah bt Wan Husin (GB SK Sungkai), En Hilmi bin Daud (Sir Hilmi) dan En Nasim bin Mansor yang terlalu banyak membantu penulis terutamanya dalam penterjemahan teks Bahasa Inggeris. Jasa dan pengorbanan yang diberikan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

ABD MUNIR BIN MOHAMED NOH

351, Persiaran Permai Jaya 11,
Taman Permai Jaya,
35600 Sungkai,
Perak Darul Ridzuan.

KANDUNGAN

PENGAKUAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB	x
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan.....	1
1.1	Latar belakang kajian.....	2
1.2	Huraian tajuk.....	5
1.3	Objektif kajian.....	9
1.4	Skop kajian.....	9
1.5	Kepentingan kajian.....	10
1.6	Tinjauan kajian lalu.....	11
1.7	Metodologi kajian.....	16
	1.7.1 Peringkat pengumpulan data.....	16
	1.7.2 Peringkat analisis data.....	18
	a) metode induktif.....	18
	b) metode deduktif.....	19
	c) metode komperatif.....	19
1.8	Sistemetika penulisan.....	20

BAB DUA : IBN KHALDŪN DAN JOHN DEWEY : PENGENALAN DAN PEMIKIRAN TOKOH

2.1 Pengenalan.....	22
2.2 Biodata Ibn Khaldūn : Riwayat Hidup dan Pendidikan.....	22
2.3 Kerjaya dan Sumbangan.....	25
2.4 Keadaan Politik dan Sosial di Zaman Ibn Khaldūn.....	29
2.5 Beberapa Aspek Pemikiran Ibn Khaldūn.....	31
2.5.1 Pemikiran Ibn Khaldūn dalam Bidang Sejarah.....	31
2.5.2 Pemikiran Ibn Khaldūn dalam Bidang Sosiologi.....	34
2.5.3 Pemikiran Ibn Khaldun dalam Bidang Falsafah.....	37
2.5.4 Pemikiran Ibn Khaldūn dalam Bidang Agama dan Akhlak.....	40
2.6 Biodata John Dewey: Riwayat Hidup dan Pendidikan.....	43
2.7 Kerjaya dan Sumbangan.....	46
2.8 Keadaan Politik dan Sosial di Zaman John Dewey.....	51
2.9 Beberapa Aspek Pemikiran John Dewey.....	56
2.9.1 Pemikiran John Dewey dalam Bidang Falsafah.....	56
2.9.2 Pemikiran John Dewey dalam Bidang Sosiologi.....	59
2.9.3 Pemikiran John Dewey dalam Bidang Moral dan Etika.....	61
Kesimpulan Bab.....	63

BAB TIGA : FALSAFAH PENDIDIKAN MENURUT IBN KHALDUN

3.0 Pengenalan.....	64
3.1 Konsep Pendidikan Menurut Ibn Khaldūn.....	65
3.2 Matlamat Pendidikan Menurut Ibn Khaldūn.....	69
3.2.1 Dapat melengkapkan diri dengan pendidikan agama.....	69
3.2.2 Dapat melengkapkan diri dengan pendidikan akhlak.....	71
3.2.3 Dapat melengkapkan diri dengan pendidikan sosial.....	73
3.2.4 Melayakkan diri untuk mendapatkan pekerjaan.....	74
3.2.5 Membentuk dan mendidik pemikiran individu.....	76
3.3. Kaedah Pendidikan Menurut Ibn Khaldūn.....	78
3.3.1 Kaedah Pandang Dengar (<i>Talqīn</i>).....	79
3.3.2 Pengajaran Secara Berperingkat dan Beransur-ansur.....	70
3.3.3 Pengajaran yang Fokus.....	82
3.3.4 <i>Muhākah</i> atau <i>taklīd</i> (Peniruan).....	83
3.3.5 <i>Al-Tajribah</i> atau Percubaan.....	85
3.3.6 <i>Al-Tikrār</i> atau Pengulangan.....	86
3.4 Beberapa Aspek Pemikiran Ibn Khaldūn Yang Mempunyai Kaitan Rapat Dengan Pendidikan.....	88
3.4.1 <i>al-Rihlah fī Ṭalab al-ʿIlm</i> atau Pengembaraan dalam Menuntut Ilmu.....	88
3.4.2 Kekerasan dan Tindakan Terhadap Murid.....	90
3.6 Kesimpulan Bab.....	92

BAB EMPAT : FALSAFAH PENDIDIKAN MENURUT JOHN DEWEY

4.1 Pengenalan.....	94
4.2 Konsep Pendidikan Menurut John Dewey.....	95
4.2.1 Pendidikan merupakan aktiviti yang sentiasa berkembang dan progresif.....	96
4.2.2 Pendidikan adalah aktiviti sosial; yang berperanan untuk melaksanakan kelangsungan kehidupan, bukan semata-mata persediaan untuk hidup.....	99
4.2.3 Pendidikan sebagai proses memperbaharui pengalaman yang berterusan.....	101
4.2.4 Demokrasi dan pendidikan.....	103
4.3 Matlamat Pendidikan Menurut John Dewey.....	107
4.3.1 Membentuk manusia supaya menjadi warganegara yang baik.....	111
4.3.2 Membekalkan manusia dengan pengalaman dan kemahiran yang cukup sebagai persediaan hidup.....	112
4.3.3 Membekalkan manusia dengan pengetahuan sosial dan kemasyarakatan untuk kelangsungan hidup.....	114
4.3.4 Membentuk manusia berfikiran kritikal, berdaya kreatif, berkeyakinan tinggi, dan mampu berusaha untuk membina kehidupan yang sempurna.....	115
4.4 Kaedah-kaedah Pendidikan Menurut John Dewey.....	117
4.4.1 <i>Learning by doing</i> atau pendidikan melalui proses tindakan dan perbuatan.....	118
4.4.2 Pengajaran Induktif.....	119
4.4.3 Pembelajaran Transaksi.....	120
4.5 Kesimpulan Bab.....	121

**BAB LIMA : ANALISIS PERBEZAAN FALSAFAH PENDIDIKAN MENURUT
IBN KHALDUN DAN JOHN DEWEY**

5.1 Pengenalan.....	123
5.2 Pendapat Khusus Ibn Khaldūn Mengenai Pendidikan.....	123
5.3 Pendapat Khusus John Dewey Mengenai Pendidikan.....	128
5.4 Persamaan Pendapat Antara Ibn Khaldūn dan John Dewey Mengenai Pendidikan.....	131
5.5 Kesimpulan	133
BIBLIOGRAFI.....	137

SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada *Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia* (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*.

1. Huruf

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا، ء	a, '(Hamzah)	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	hadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان	rahmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams
ص	ṣ	صبر	ṣabr

ض	d	ضمير	ḡamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḡī
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār
ة	h	سيده	sayyidah

2. Vocal Pendek

<u>Baris Arab</u>		<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Tranliterasi</u>
َ	(fathah)	a	فَعَلَ	fa‘ala
ُ	(ḡammah)	u	كَمُلَ	Kamula
ِ	(kasrah)	i	حَسِبَ	ḡasiba

3. Vocal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Tranliterasi</u>
ا ، ي	ā	قضى ، كاتب	kātib, qadā
و	ū	معروف	ma‘rūf
ي	ī	كريم	karīm

4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Tranliterasi</u>
او	aw	قضى ، كاتب	kātib, qadā
اي	ay	سيف	sayf
يـ	Ay/ī	رجعي	raj‘iyy / raj‘ī
وـ	uww	عدو	‘Aduww / ‘adu

5. Ta’ Marbūḥah

<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
الرحلة التربوية	al- Riḥlah al-Tarbawiyyah
تجربة	Tajribah
دار الوهبة	Dār al-Wahbah